

# PERATURAN DAN TATACARA SKIM PAMPASAN KEMATIAN

---

## 1.0 PENDAHULUAN

*Skim Pampasan Kematian diwujudkan sebagai tanda penghargaan koperasi kepada anggota yang telah meninggal dunia.*

## 2.0 TUJUAN

*Memberi bantuan kewangan dan meringankan beban kewangan wasi / penama disebabkan kematian anggota berkenaan. Sekiranya anggota tidak menamakan wasi / penama, bantuan akan disalurkan kepada waris anggota.*

## 3.0 TATACARA PERLAKSANAAN

### 3.1 Syarat-syarat Permohonan

- a) *Skim Pampasan Kematian hanya layak dituntut oleh **WASI / PENAMA / WARIS** anggota KOSMA yang telah meninggal dunia.*
- b) *KOSMA hanya akan mempertimbangkan tuntutan pampasan bagi kematian yang berpunca dari kemalangan atau sebab-sebab semulajadi lain yang membawa kepada kematian anggota, contohnya sakit. KOSMA tidak akan memberi pampasan bagi kematian yang berpunca dari membunuh diri, kecederaan yang disengajakan sehingga membawa kepada kematian atau akibat melakukan jenayah.*
- c) *Semua maklumat yang diberikan oleh wasi / penama / waris mestilah **BENAR dan LENGKAP**. Sekiranya maklumat yang diberikan palsu dan tidak lengkap, permohonan akan **DITOLAK**.*

### 3.2 Kaedah Permohonan

- a) *Anggota boleh mendapatkan borang permohonan Skim Pampasan Kematian dari ibu pejabat KOSMA / wakil yang telah dilantik oleh KOSMA di daerah-daerah atau mencetaknya daripada laman web KOSMA iaitu **www.kosma.com.my**.*

- b) *Borang permohonan perlu dilampirkan bersama dengan salinan **SIJIL KEMATIAN** anggota yang telah **DIAKUI SAH** oleh pihak-pihak berkenaan sahaja iaitu wakil rakyat / senator / pesuruhjaya sumpah / ketua jabatan / penghulu / ketua kampung.*
- c) *Borang permohonan yang **LENGKAP** perlulah dihantar bersama dokumen sokongan kepada **Setiausaha KOSMA**.*
- d) *Hanya borang yang **LENGKAP** dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan akan diproses.*
- e) *Semua permohonan yang telah diproses akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga sebelum pampasan kematian dibayar kepada wasi / penama / waris anggota yang telah meninggal dunia.*

### **3.3 Kadar Pampasan**

*Kadar pampasan yang telah ditetapkan ialah RM20,000 kepada setiap anggota KOSMA yang meninggal dunia.*

### **3.4 Pindaan dan Perubahan**

*Sebarang perubahan pada terma syarat dan peraturan yang telah ditetapkan untuk Skim Pampasan Kematian adalah tertakluk kepada keputusan Anggota Lembaga KOSMA dari semasa ke semasa.*

### **3.5 Lain-lain**

*Sebarang bukti penghantaran melalui pos biasa / pos ekspres bukanlah bukti penerimaan oleh pihak KOSMA. Pihak KOSMA tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang masalah dari segi penghantaran dan sebagainya oleh anggota.*

**BORANG PERMOHONAN SKIM PAMPASAN KEMATIAN**  
**DEATH CLAIM SCHEME APPLICATION FORM**

**1. MAKLUMAT ANGGOTA MENINGGAL / DECEASED DETAILS**

- a) Nama / *Name* : .....
- b) No. Agg / *Membership No.* : ..... c) Tarikh Kematian / *Date of Death* : .....

**2. MAKLUMAT WASI / PENAMA / WARIS / BENEFICIARY DETAILS**

- a) Nama / *Name* : .....
- b) No. K/P (Baru) / *NRIC (New)* : .....
- c) Alamat / *Address* : .....
- .....
- d) Tel / *Tel* i) Rmh (*Home*) / Pej (*Off*) : .....
- ii) Bimbit / *Mobile* : .....
- e) Hubungan / *Relationship* : .....

**3. PENGAKUAN (WASI / PENAMA / WARIS) / BENEFICIARY DECLARATION**

Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberi di atas adalah benar dan saya faham akan syarat yang telah ditetapkan. Pihak KOSMA berhak untuk menolak tuntutan ini sekiranya didapati maklumat yang diberikan adalah palsu. / *I hereby solemnly acknowledge that all information furnished above is true and I understand the terms and conditions as determined. KOSMA reserves the right to revoke my application if any information is found to be false or untrue.*

Tarikh / *Date* : ..... T/Tangan / *Signature* : .....

Nama / *Name* : .....

**4. PENGESAHAN (WAKIL RAKYAT / SENATOR / PESURUHJAYA SUMPAN / PENGHULU / KETUA KAMPUNG) / (ELECTED REPRESENTATIVE / SENATOR / COMMISSIONER OF OATHS / HEADMAN / VILLAGE CHIEF) CERTIFICATION**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat berkaitan dengan anggota pemohon adalah benar. / *I hereby certified that all information related to the deceased is true.*

Tarikh / *Date* : ..... T/tangan / *Signature* : .....

Nama / *Name* : .....

**NOTA / NOTE** : Sila hantar borang yang telah diisi dengan lengkap bersama salinan **SIJIL KEMATIAN** anggota yang telah **DIAKUI SAH** kepada : / *Please submit the completed form with a **CERTIFIED TRUE COPY** of **DEATH CERTIFICATE** to:*

**Setiausaha**  
**Koperasi Serbausaha Makmur Berhad,**  
**B-8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek,**  
**25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur**